



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12/12/2018

PENGUNAAN BIODIESEL SAWIT

Program dilaksana 1 Februari 2019

BH - 12/12/2018 M/S: 5

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR / BH]

➔ Langkah bakal beri impak positif industri sawit negara

Oleh Azura Abas dan Irwan Shafrizan Ismail
cnews@nstp.com.my

Putrajaya



Dr Mahathir melancarkan Program Biodiesel B10 Sektor Pengangkutan di Dataran Putra, Putrajaya, semalam.

Kerajaan akan melaksanakan program B10, iaitu adunan 10 peratus biodiesel sawit dan 90 peratus diesel petroleum bagi sektor pengangkutan bermula 1 Februari 2019, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, penggunaan B10 itu bagi semua jenis kenderaan diesel seperti pacuan empat roda, lori dan bas juga akan mengurangkan pelepasan gas rumah kaca sebanyak 1.6 juta tan karbon dioksida setahun.

Pada masa sama, beliau berharap semua pihak bersedia sepenuhnya bagi peningkatan kadar adunan biodiesel kepada B20, iaitu 20 peratus adunan biodiesel sawit dengan 80 peratus diesel petroleum menjelang 2020.

Dr Mahathir berharap program biodiesel itu diberikan perhatian serius dalam Dasar Automotif Kebangsaan (NAP) yang sedang dirangka dengan memastikan hanya kenderaan diesel yang boleh menerima biodiesel lebih daripada 10 peratus dijual di Malaysia pada

masa akan datang.

"Saya menyeru agar pengeluar kenderaan dan pengeluar peralatan asal (OEM) bekerjasama dengan kerajaan dalam menayakan pelaksanaan program B10 ini termasuk sebarang program biodiesel pada masa akan datang.

Kurangkan pembebasan gas karbon dioksida

"Program B10 akan menyumbang kepada pengurangan pembebasan gas karbon dioksida bersamaan dengan 10 peratus daripada jumlah kenderaan diesel setahun di Malaysia," katanya ketika berucap menyempurnakan Majlis Pelancaran Pelaksanaan Program B10 Sektor Pengangkutan di Dataran Putra, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, pelaksanaan Program B10 adalah tepat pada masa memandangkan harga biodiesel sawit yang rendah ber-

banding diesel petroleum.

"Hari ini, negara jiran kita Indonesia telah mengatasi Malaysia dan muncul sebagai pengeluar minyak sawit terbesar di dunia.

"Indonesia juga sudah berjaya melaksanakan program B20, iaitu 20 peratus adunan biodiesel sawit dengan 80 peratus diesel fosil secara mandatori sejak Januari 2016 pada sektor pengangkutan tanpa sebarang masalah," katanya.

Beliau berkata, program biodiesel di Indonesia kini berjaya mengurangkan pengimportan diesel dan mengukuhkan industri sawit dan ekonomi negara Indonesia.

"Sehubungan itu, industri sawit di Malaysia digesa untuk berani meneroka pasaran baru dan membuktikan di mata dunia bahawa kualiti minyak sawit Malaysia adalah antara yang terbaik," katanya.

Katanya, program biodiesel itu amat penting bagi negara kerana

pokok sawit adalah 'golden crop' (tanaman penting) negara dan menjana ekonomi negara sejak sekian lama.

Impak positif industri sawit

"Penggunaan biodiesel sawit akan memberi impak positif terhadap industri sawit melalui pengurangan stok minyak sawit dan seterusnya menstabilkan harganya.

"Melalui usaha ini, pekebun kecil sawit seramai 650,000 orang akan terus menikmati harga sawit yang lebih stabil dan meningkatkan pendapatan. Program Biodiesel negara juga akan membantu negara mencapai objektif mobiliti karbon rendah seperti yang digariskan dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11)," katanya.

Selain itu katanya, beliau juga berharap pelaksanaan program B7 untuk pertama kali di sektor industri bermula 1 Julai 2019 akan

menjadi pelengkap program biodiesel negara dalam mengukuhkan pasaran domestik minyak sawit.

Dalam pada itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan terus berusaha menangkis semua tuduhan yang dilemparkan kepada minyak sawit sebagai punca kemusnahan hutan dan biodiversiti melalui apa sahaja cara yang mampu dilakukan.

"Untuk mengatasi tuduhan ini, kerajaan sudah mengambil inisiatif untuk mewujudkan skim pensijilan mampan seperti Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO). Namun negara pengimport terus berdegil dengan mengenakan pelbagai sekatan ke atas minyak sawit.

"Saya ingin menegaskan kerajaan akan terus memelihara alam sekitar di mana pada ketika ini liputan hutan di Malaysia merangkumi kira-kira 55.3 peratus daripada keluasan negara.